

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**
menyatakan :-

- a) Perancangan Kementerian mentransformasi institusi petani termasuk koperasi dan pertubuhan peladang supaya berautonomi dan ditadbir petani untuk petani, sebagaimana model Taiwan 1970-an; dan
- b) Usaha pemerksaan petani dari segi latihan dan pendidikan, pengembangan teknikal dan perniagaan, dan pembangunan koperasi dan keusahawanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Visi Kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang adalah memperkasakan semua Pertubuhan Peladang agar mencapai status Pertubuhan Peladang (PP) maju.

2. Asas penubuhan PP di Malaysia adalah menggunakan Model Koperasi Pertanian di Taiwan. PP diwujudkan bertujuan untuk membangun dan meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar yang berasaskan pertanian terutama ahli-ahli peladang. Bagi mencapai objektif ini, Kerajaan di awal penubuhan telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti pejabat operasi, kenderaan, kakitangan pengurusan, peruntukan-peruntukan pembangunan agar mampu membantu PP memberi perkhidmatan kepada golongan sasaran di dalam kawasan pengendaliannya. Kerajaan turut berusaha meningkatkan ekonomi masyarakat peladang melalui pemberian geran, subsidi, bantuan teknikal, khidmat nasihat, latihan termasuklah merangka model perniagaan PP agar mampu berdaya saing. Ini menjurus kepada tujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasaran.

3. Terdapat 294 buah Pertubuhan Peladang (PP) di negara ini yang dikawalselia oleh LPP sebagai Pendaftar, MADA, KADA dan Jabatan Pertanian Sarawak dengan bilangan ahli peladang di seluruh Malaysia berjumlah 912,588 orang. Setiap tahun semua PP dinilai dan diberi penarafan sebagai ukuran pencapaian PP secara keseluruhan. Indikator penarafan PP adalah berasaskan prestasi kewangan dan prestasi pematuhan kepada peraturan dan perundangan yang berkuatkuasa.

4. Kerajaan juga meneruskan pelaksanaan program-program pembangunan yang menjurus untuk mentransformasi Pertubuhan Peladang. Semua pergerakan Pertubuhan Peladang diteliti dan dirangka aktiviti ekonominya agar diperkasakan supaya mampu (self-sustained) beroperasi tanpa bantuan pihak lain. Dalam mencapai objektif ini, setiap PP perlu mempunyai aktiviti ekonomi teras (*core*

SOALAN NO : 376

economic activity) yang berdaya saing agar akhirnya mencapai kedudukan kewangan yang kukuh (*financially sound*) bagi membolehkan PP mampu memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada golongan sasaran. Apabila tahap ini telah dicapai maka PP bersedia berautonomi dan ditadbir sendiri oleh petani untuk petani.

5. Namun, sebagai sebuah entiti yang terlibat dalam perniagaan di dalam sektor pertanian ini, PP sememangnya terdedah dengan cabaran dan isu-isu semasa (*cross-cutting issues*) seperti kebergantungan kepada keadaan cuaca, kos input dan tenaga buruh yang meningkat, turun naik harga pasaran dan lain-lain isu di peringkat antarabangsa yang turut memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam sektor pertanian ini. Justeru, pergerakan PP juga perlu bergerak ke arah dimensi baru yang lebih kompetitif. Ke arah itu, Kerajaan akan meneruskan usaha dengan lebih giat untuk memastikan PP yang berpotensi dikenalpasti dan diklusterkan berdasarkan kepada aktiviti semasa mereka yang telah berjaya. Pergerakan perniagaan PP tidak lagi boleh dijalankan secara bersendirian (*silo*) di mana aktiviti-aktiviti yang menyumbang (*compliment*) di antara satu-satu PP perlu di lihat secara *integrated* agar menghasilkan tahap '*economy of scale*'.

Dengan demikian, pengeluaran yang dihasilkan juga akan lebih besar. Keseluruhan rangkaian nilai setiap segmen pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran perlu dikormersilkan untuk manfaat peladang dan pergerakan PP. Terdapat banyak kejayaan PP yang telah dicapai buat masa ini seperti dalam pengeluaran ayam, pengedaran input, rangkaian nilai sektor padi, pengeluaran dan pemasaran sayur-sayur dan buah-buahan yang akan direplikasikan di PP yang lain-lain. Melalui pendekatan ini, PP tidak mustahil untuk diperkasakan dan boleh bergerak sendiri seperti koperasi-koperasi pertanian di negara-negara maju.

6. Dalam aspek memperkasakan petani-petani pula, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, melalui semua Jabatan dan Agensinya setiap tahun mengatur dan melaksanakan program latihan

SOALAN NO : 376

dan bimbingan kepada peladang-peladang, petani-petani, penternak dan nelayan.

7. Di antara kursus-kursus dan bimbingan yang disusun dan dilaksanakan ialah :

- i. Perkhidmatan pengembangan kepada semua petani, penternak dan nelayan telah diberikan.
- ii. Kursus Upskilling Teknologi komoditi tanaman, ternakan dan ternakair.
- iii. Latihan dalam bidang mekanisasi dan automasi.
- iv. Latihan pembangunan usahawan muda dan wanita.
- v. Latihan industri asas tani dan pemprosesan makanan.
- vi. Latihan Kepimpinan Pertubuhan Peladang.
- vii. Pelajar-pelajar sekolah :-
 - tanaman jangka pendek (sayur-sayuran).
 - ternakan.
 - ternakair.

Sekian, terima kasih.